

25/02/1998

Mesyuarat berjalan lancar

IPOH, Selasa - Kebanyakan mesyuarat Umno cawangan di Perak setakat ini, berjalan lancar secara keseluruhannya serta tidak menimbulkan banyak masalah.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mohd Zaim Abu Hasan, berkata walaupun berlaku sedikit gangguan di cawangan tertentu, secara keseluruhannya mesyuarat berkenaan berjalan dengan baik.

"Badan Perhubungan Umno Perak berpuas hati dengan keadaan itu yang menggambarkan ahli Umno negeri ini mematuhi nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya ahli meningkatkan tahap disiplin bagi menjaga imej parti," katanya di sini, hari ini.

Beliau juga berkata, semua cawangan diminta menggunakan senarai nama ahli yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Umno bagi mengendalikan mesyuaratnya untuk mengelak sebarang kekeliruan.

Katanya, senarai itu adalah yang terbaik digunakan kerana ia yang terbaru dan lengkap.

(END)